

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)54

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

54. Nyatakan jumlah bilangan dan nilai keseluruhan projek yang telah dirancang atau yang telah diluluskan melalui Chief Minister Incorporated (CMI) termasuk turut senaraikan tajuk projek, nilai, status pelaksanaan projek dan hasil dari pelaksanaan projek berkenaan sejak penubuhan CMI pada tahun 2009 sehingga April 2024.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

54. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) bertindak sebagai agensi yang proaktif dan produktif dalam menjana pendapatan dalam mempertingkatkan ekonomi negeri Pulau Pinang dengan memaksimumkan nilai strategik aset, menjana hasil pendapatan melalui konsep Public Private Professional Partnership (4P'S) melalui aset sedia ada (tanah dan bangunan) Kerajaan Negeri yang diberimilik kepada CMI. Fungsi utama CMI adalah untuk menyewa dan memajak tanah milikannya kepada syarikat swasta untuk tempoh yang tertentu.

Jumlah projek CMI jenis sewaan / pajakan tanah, pembangunan, pelaburan dan sosial yang aktif adalah sebanyak 72 projek. Walau bagaimanapun, hanya 38 projek yang mempunyai pelaburan daripada Kerajaan Negeri dan syarikat swasta dan yang lainnya adalah projek jenis sewaan / pajakan tanah kecil. Senarai bagi 38 projek tersebut dari segi nilai / kos Pembangunan dan Pelaburan berserta status pelaksanaan dan hasil daripada projek adalah seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

Selain itu, terdapat lima belas (15) Syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan satu (1) di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) yang sedang dipantau dan diselia oleh CMI.